

MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL BG/04/2025	Projek-Projek Kecil / Berimpak Tinggi / <i>People Centric</i> Kementerian Ekonomi Membina Baru Dewan Orang Ramai Di Taman Intan, Batu Kikir, MP Jempol	<u>Gred G2</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> B04-Kerja Am Bangunan	50.00	19/08/2025 (Selasa)
MPJL BG/05/2025	Projek-Projek Kecil / Berimpak Tinggi / <i>People Centric</i> Kementerian Ekonomi Membina Baru Surau Di Taman Marikh, Batu Kikir, MP Jempol	<u>Gred G2</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> B04-Kerja Am Bangunan	50.00	19/08/2025 (Selasa)

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **13 Ogos 2025 (Rabu)**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual selama **3 hari sehingga 15 Ogos 2025 (Jumaat)** sahaja.

Borang Sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol pada hari Rabu-Jumaat Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Hari Bekerja). Kontraktor Wajib membawa dokumen-dokumen asal semasa pembelian naskah sebut harga.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **12 Ogos 2025 (Selasa)** pada jam **10.00 pagi** dan pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran di Kaunter Kejuruteraan. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Kontraktor diminta untuk mengemukakan 1 (SATU) salinan sijil Pematuhan Cukai 'TAX COMPLIANCE CERTIFICATE' (TCC) berstatus PATUH dan masih sah dalam tempoh tahun semasa sewaktu lawatan tapak.

Bagi mana-mana kontraktor yang ingin membuat pembelian borang menggunakan Kebenaran Khas untuk pengkhususan yang tiada di dalam sijil CIDB, hendaklah mendapat kelulusan dari pihak CIDB sebelum tarikh mula penjualan borang atau semasa tarikh lawatan tapak dengan melampirkan kelulusan Kebenaran Khas yang asal kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat (**8.00 pagi-4.30 petang**). Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **19 Ogos 2025 (Selasa)**. Jika tender / sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **pos berdaftar / kurier**, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

SYARAT-SYARAT PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA

1. Syarikat adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal SSM, CIDB, PPK dan SPKK semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak. Pendaftaran perlu dibuat di Kaunter Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol.
5. Syarikat adalah daripada kontraktor bumiputera **G2** yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2025** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak pada hari tersebut dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.
8. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari pembelian borang tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.

9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa **tidak dibenarkan** terlibat dalam membuat **pakatan harga** dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga / tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

Tarikh Pengiklanan

5

Ogos 2025



.....
(Ir. Ts. ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Jempol